

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
YBRS. PROFESOR DR. AHMAD TAUFEEK  
ABDUL RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH KUALITI FAKULTI SAINS  
KESIHATAN 2024**

**25 APRIL 2025 | JUMAAT | 8.30 PAGI  
DEWAN SEMINAR FSK ARAS 8  
FAKULTI SAINS KESIHATAN**

**Terima kasih Pengacara Majlis**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL ‘AALAMIIN  
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL  
ANBIYAAI WALMURSALIINWA ‘ALAAALIHI  
WASOHBIHI AJMA’IN**

**YBrs. Profesor Dr. Zulkhairi Haji Amom**

Dekan, Fakulti Sains Kesihatan

**YBrs. Profesor Madya Dr. Siti Nazrina  
Camalxaman**

Timbalan Dekan (Hal Ehwal Akademik)

**YBrs. Profesor Madya Ts. Dr. Nazri Che Dom**

Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri)

**YBrs. Pn. Khairunnisa Abd Manan**

**Pengerusi, Jawatankuasa Pelaksana Majlis  
Anugerah Kualiti Fakulti Sains Kesihatan 2024**

**Barisan Pengurusan Kanan UiTM Cawangan  
Selangor**

**Ketua-Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Sains  
Kesihatan**

Warga Fakulti Sains Kesihatan, tuan-tuan dan puan-  
puan serta hadirin yang dihormati sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan  
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan Rahmat-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada hari ini di **Majlis Anugerah Kualiti Fakulti Sains Kesihatan bagi tahun 2024.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada **YBrs. Puan Khairunnisa Abd Manan** selaku Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, dan seluruh jawatankuasa program yang telah bekerja keras untuk menjayakan majlis anugerah kualiti ini.
3. Usaha ini adalah contoh kebersamaan dan kesungguhan dalam mengangkat budaya kualiti di peringkat universiti kita.

**Hadirin sekalian,**

4. Kita sedia maklum, UiTM menggalas agenda yang amat besar dalam memastikan keserjanaan dan kecemerlangan akademik ke arah melahirkan graduan yang berdaya saing, global dan beretika, disamping menyumbang ke arah penyatuan bangsa, keseimbangan sosial serta kestabilan negara.

5. Saya difahamkan, **Majlis Anugerah Kualiti Fakulti Sains Kesihatan tahun 2024** ini mengambil tema yang amat bermakna, iaitu **Budaya Kualiti Pemacu Semangat Malaysia Madani** dimana ianya meningkatkan kesedaran warga UiTM khususnya di Cawangan Selangor terhadap kepentingan menerapkan nilai-nilai yang mengutamakan kualiti, integriti, kerjasama, dan tanggungjawab sosial dalam persekitaran kerja.

6. Saya percaya, nilai-nilai ini amat penting untuk membangunkan sebuah organisasi yang sejahtera dan berdaya saing, sejajar dengan prinsip Malaysia Madani yang memperjuangkan kesejahteraan, kemajuan, dan keharmonian.
7. Dalam konteks ini, budaya kualiti di tempat kerja adalah faktor penting untuk menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan, selain meningkatkan kesejahteraan individu dan organisasi secara keseluruhan.
8. Saya turut dimaklumkan bahawa Fakulti Sains Kesihatan telah meraih 6 Bintang dalam i-UiTM SCORE 2024.
9. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua warga Fakulti Sains Kesihatan terutamanya

kepada Dekan dan pasukan pentadbiran, pensyarah, dan kakitangan sokongan.

10. Kejayaan ini adalah hasil dedikasi, komitmen dan usaha berterusan semua warga fakulti dalam memperkukuhkan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan perkhidmatan.

11. Saya berharap pencapaian gemilang ini akan menjadi pemangkin semangat untuk terus melakar lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

12. Dikesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada semua staf yang bakal menerima anugerah prestasi cemerlang melalui Majlis Anugerah Kualiti ini.

13. Akhir kata, saya berharap agar usaha dalam menerapkan budaya kualiti dapat terus diperkasa, dalam membantu memastikan kelestarian UiTM

terus kekal cemerlang dan berdaya maju di peringkat nasional dan antarabangsa.

Bunga melati kembang di taman,  
Berlagu syair di tepi perigi,  
Anugerah Kualiti jadi impian,  
Warga cemerlang terus dihargai.

14. Dengan lafaz suci “Bismillairrahmanirrahim”, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Anugerah Kualiti Fakulti Sains Kesihatan 2024.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah  
Wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.**